Ikuti kami di 🕇 🧿 🖨





## **KURSUS KUTIPAN DAN PEMULIHAN** PEMBIAYAAN & PINJAMAN TIDAK BERBAYAR









Februari 2025 - Koperasi MPB melalui KNSTP Smart Solutions telah menganjurkan Kursus Kutipan dan Pemulihan Pembiayaan & Pinjaman Tidak Berbayar diadakan pada 4 hingga 5 Februari 2025 di Tamu Hotel Kuala Lumpur. Kursus ini dihadiri oleh 14 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi dan pegawai pengurusan hutang koperasi.

Tujuan utama kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada peserta mengenai prosedur kutipan yang berkesan serta strategi pemulihan bagi pinjaman yang tidak berbayar, Para peserta juga diajar teknik dan langkah-langkah yang perlu diambil dalam menangani kes-kes pinjaman bermasalah.

Kursus ini telah memberikan input yang sangat bernilai kepada semua yang terlibat dan membuka peluang untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan kutipan dan pemulihan pinjaman tidak berbayar. Dengan cabaran kewangan yang semakin meningkat, kursus seperti ini sangat penting untuk memastikan kelancaran operasi kewangan yang berkesan dan adil.

Kursus dikendalikan oleh Haji Zainuddin Ali yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang kewangan dan pengurusan hutang. Tetamu jemputan dari syarikat guaman Eliz, Zain & Kadariah dan syarikat pengutipan Nass Smart Resources juga dijemput bagi memberi penerangan tentang proses kutipan dari segi perundangan dan kelebihan mengutip hutang dengan menggunakan agensi pengutip hutang.

Pada akhir kursus, para peserta menerima Sijil Penyertaan daripada Anggota Lembaga Koperasi Media Prima Berhad, Encik Salehuddin Shah Shabudin.

**#KMPB**